

Persidangan Antarabangsa Mengenai Masa Depan Ke-29



Anwar pada pertemuan dengan Kishida di kediaman rasmi Perdana Menteri Jepun di Tokyo, semalam. (Foto AFP)

Malaysia destinasi selamat bagi pelabur

Negara miliki pelbagai 'aset' tawar peluang terbaik saat ketegangan dunia memuncak



Datuk Seri Anwar Ibrahim memanfaatkan pentas Persidangan Antarabangsa Mengenai Masa Depan Ke-29 yang juga dikenali sebagai Persidangan Nikkei di sini, semalam untuk menegaskan status Malaysia sebagai destinasi selamat untuk pelaburan.

Perdana Menteri berkata, status itu penting ketika pelabur, khususnya dalam sektor pembuatan mencari-cari destinasi selamat di tengah-tengah ketegangan yang memuncak di seluruh dunia.

"Saya berani katakan Malaysia sesuai dengan keperluan (destinasi selamat untuk tujuan pelaburan)... terima kasih kepada kestabilan kita, tenaga buruh yang mahir serta 'keadaan ekonomi dan geopolitik kita."

"Buktinya pada angka. Pada 2023, Pulau Pinang selaku hab semikonduktor Malaysia, menarik AS\$13 bilion dalam pelaburan langsung asing (FDI), melebihi jumlah terkumpul untuk tujuh tahun sebelumnya," katanya ketika menyampaikan ucapan

pada persidangan itu.

Anwar menjadi pemimpin pertama menyampaikan ucapan dengan ucapan beliau berkisar tema *ASEAN Leadership In an Uncertain World* yang menyentuh isu geopolitik dan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN tahun depan.

Persidangan penting di Asia

Persidangan Nikkei dianjurkan setiap tahun oleh Nikkei Inc sejak 1995, menghimpunkan pemimpin kerajaan dan ketua-ketua perniagaan untuk menyatakan visi mereka bagi masa depan Asia dan menjadi antara persidangan global yang paling penting di Asia.

Anwar yang juga Menteri Kewangan menegaskan, penggubalan dasar ekonomi pada era 2020-an tidak boleh dipisahkan daripada tiga trend mega global iaitu geopolitik, pendigitalan dan perubahan iklim.

Justeru, beliau berkata, Malaysia baru-baru ini memperkenalkan tiga rangka kerja dasar utama untuk memastikan aspek kepastian, kejelasan dan ketelusan lebih besar mengenai masa depan ekonomi.

"Pertama daripada rangka kerja dasar ini ialah rangka kerja Ekonomi MADANI, yang menggariskan strategi untuk memacu pembangunan mampan dan inklusif.

"Dasar utama kedua ialah Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 yang mewakili pendekatan keseluruhan kerajaan terhadap dasar perindustrian.

"Kejayaan rancangan ini akan membawa Malaysia selangkah lebih dekat untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang pada akhir dekad ini.

"Akhir sekali, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional adalah strategi komprehensif Mala-

aysia untuk memastikan negara memenuhi komitmennya untuk mencapai pelepasan sifar bersih seawal 2050.

"Semua pelan tindakan strategik ini menunjukkan peranan Malaysia dalam membina kepimpinan Asia dalam domain ekonomi, digital dan kemampanan," katanya.

Disember lalu, Anwar bersama Perdana Menteri Jepun, Fumio Kishida meningkatkan hubungan dua hala kepada Perkongsian Strategik Komprehensif, dengan kedua-dua negara bersetuju bekerjasama dalam keselamatan maritim.

Pada pertemuan dua hala semalam, Anwar dan Kishida menilai kemajuan kerjasama meliputi bidang pelaburan, perdagangan, teknologi tinggi, peralihan tenaga, kerjasama alam sekitar, pertahanan dan keselamatan, pembangunan keupayaan dan bakat serta pendidikan tinggi.

Jepun turut menyatakan kesediaan bekerjasama dengan Malaysia untuk menyediakan bantuan kemanusiaan kepada rakyat Palestin yang terjejas akibat konflik berterusan di Gaza merangkumi aspek kesihatan, pengurusan sisa pepejal dan pembangunan semula kawasan musnah.

Anwar kemudian mengetuai delegasi negara dalam pertemuan bersama pemimpin industri dan perniagaan meliputi pelbagai sektor berpusat di Jepun, di mana beliau menegaskan kestabilan dan ekosistem pelaburan Malaysia kondusif bagi mana-mana syarikat untuk merealisasikan pelaburan.

Antara syarikat terbabit termasuk IHI Corporation, Nisshin Oillio Group Ltd, Tokuyama Corporation, Sumitomo Corporation, ENEOS, Mitsubishi Corporation dan Tokyo Gas.